

Kuala Lumpur: Pemandu kenderaan berat bukan sahaja perlu lebih berhati-hati malah memandu secara berhemah di jalan raya kerana kenderaan dipandu mereka mempunyai risiko tinggi terabit dalam kemalangan.

Ketua Kumpulan Penyelidikan Pencegahan Kecelakaan dan Promosi Keselamatan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM) Profesor Dr Kulanthayan KC Mani berkata, salah satu cara untuk mengurangkan risiko berlaku kemalangan adalah mengurangkan kelajuan sesebuah kenderaan itu.

“Apabila tambah kelajuan dengan keadaan (muatan) berat yang kita bawa (pada kenderaan), keadaan akan menjadi lebih bahaya.

“Jadi, pemandu kenderaan berat mempunyai tanggungjawab cukup besar bukan sahaja untuk menjaga keselamatan diri, tetapi setiap tindakan dibuat turut berkait dengan orang lain yang berkongsi jalan pada waktu sama,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Terdahulu, media melaporkan pemandu lori yang terabit dalam kemalangan tragis mengorbankan sembilan anggota Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) di Jalan Chikus-Sungai Lampam, Teluk Intan, Perak, didapati

Tanggungjawab besar pemandu kenderaan berat jaga keselamatan

mempunyai pelbagai rekod jenayah lampau termasuk kesalahan berkaitan dadah.

Kulanthayan berkata, pada masa sama syarikat lori terabit mempunyai tanggungjawab untuk memastikan semua kenderaan milik mereka berada dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan.

“Syarikat perlu mendapatkan pemandu bertanggungjawab untuk mengendalikan kenderaan itu de-

ngan memantau mereka semula.

dan kenderaan atas dasar untuk melindungi supaya ke-

dua-duanya berada dalam keadaan baik,” katanya.

Mengulas mengenai kemalangan itu, katanya, tahap keselamatan penumpang dalam kenderaan seperti dinaiki anggota FRU perlu diteliti

“Dalam kenderaan, alat perlindungan keselamatan adalah

tali pinggang keledar yang bertujuan memastikan dapat mengawal pergerakan badan.

“Contohnya sesebuah kenderaan bergerak pada kelajuan 70 kilometer (km) per jam bermaksud pe-

numpang pun bergerak dalam kelajuan sama.

“Tetapi apabila berlaku kemalangan, kenderaan itu akan berhenti. Namun penumpang masih bergerak pada kelajuan sama sebab tiada alat yang menahan pergerakan penumpang itu,” katanya.

Menurutnya, keadaan itu akan menyebabkan penumpang ‘berlanggar’ sesama sendiri serta badan kenderaan berkenaan pada kelajuan terakhir.

“Syarikat perlu mendapatkan pemandu bertanggungjawab Kulanthayan